

Penguasaan Bacaan Hamzah Wasal Menggunakan Kaedah “Bafkad”

Ruhayati Ramly*, Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Nasri Abdullah

Universiti Teknologi Malaysia

*ruhihayati_ipptaa@hotmail.com**

ABSTRAK

Artikel ini merupakan sebahagian daripada kajian tindakan tentang masalah penguasaan bacaan Hamzah Wasal dalam tilawah al-Quran yang merupakan sebahagian daripada tajuk dalam kursus Pendidikan al-Quran Sekolah Rendah (PIM 3103). Kursus ini ditawarkan kepada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru. Kajian dijalankan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pelajar menguasai bacaan Hamzah Wasal ketika membaca al-Quran menggunakan kaedah BAFKAD. Lima pelajar dipilih sebagai responden kajian dengan menggunakan persempelan bertujuan, iaitu pelajar yang mendapat markah terendah ketika ujian tahap kecekapan membaca dijalankan. Instrumen soalan ujian bertulis dan lisan digunakan pada ujian pra dan ujian pasca. Perbezaan skor pelajar menunjukkan keberkesanan kaedah BAFKAD adalah signifikan dalam meningkatkan penguasaan mereka terhadap bacaan tersebut. pelajar mampu membariskan Hamzah Wasal dengan tepat apabila mereka mulakan bacaan (*ibtida'*) pada perkataan yang mempunyai hamzah wasal. Kaedah ini telah memantapkan lagi penguasaan tilawah al-Quran dalam kalangan pelajar seterusnya mampu melengkapkan diri mereka untuk mengelola sesi pengajaran dan pembelajaran Asuhan Tilawah al-Quran dengan betul, yakin dan berkesan.

Kata kunci : Hamzah Wasal, Bafkad, PIM 3103

PENGENALAN

Kursus Pendidikan al-Quran Sekolah Rendah dengan kod PIM 3103 merupakan kursus yang ditawarkan kepada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam Unit Pendidikan Islam Semester 2 di Institut Pendidikan Guru. Kursus ini sangat relevan dengan profesi keguruan khususnya kepada pelajar yang bakal menjadi guru Pendidikan Islam. Hal ini kerana mereka akan terlibat secara langsung mengajar mata pelajaran Pendidikan al-Quran yang merupakan salah satu bidang dalam Pendidikan Islam di sekolah rendah. Sebagai persediaan pelajar PISMP ini perlu memantapkan penguasaan al-Quran dari segi tilawah, tajwid, kefahaman, hafazan, serta menguasai pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tersebut.

Kursus ini memberi tumpuan kepada tajuk dalam pendidikan al-Quran iaitu pengenalan kepada al-Quran, perbincangan mengenai kaedah penulisan al-Quran Rasm Uthmani dan aplikasi hukum tajwid dalam bacaan dan hafazan ayat al-Quran. Melalui kursus ini, pelajar PISMP unit Pendidikan Islam dapat memantapkan lagi penguasaan tilawah al-Quran Mushaf Rasm Uthmani dengan baik mengikut hukum tajwid seterusnya mampu melengkapkan diri mereka untuk mengelola sesi pengajaran dan pembelajaran al-Quran dengan betul, yakin dan berkesan (Anom 2009).

Walau bagaimanapun melalui pemerhatian semasa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran kursus Pendidikan al-Quran Sekolah Rendah bagi pelajar PISMP unit Pendidikan Islam ini, terdapat pelajar yang baik tahap penguasaan tilawah al-Quran tetapi masih kurang mahir dalam bacaan Hamzah Wasal sama ada ketika *ibtida'* ataupun *wasal*. Mereka tidak dapat menyebut baris Hamzah Wasal dengan tepat ketika membaca ayat al-Quran yang bermula dengan huruf

Hamzah Wasal (Ramly 2013). Justeru, keadaan ini tidak boleh dibiarkan kerana sebagai bakal guru Pendidikan Islam, mereka perlu bersedia serta memperlengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang Pendidikan al-Quran sebelum mereka bergelar guru di sekolah nanti.

Bagi menyelesaikan masalah ini, satu kajian tindakan telah dilakukan. Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan penentuan kedudukan baris pada kalimah yang terdapat Hamzah Wasal dengan menggunakan kaedah "Bafkad". Penggunaan akronim "Bafkad" adalah untuk memudahkan pelajar mengingat kedudukan baris Hamzah Wasal. Akronim "Bafkad" adalah singkatan yang dibuat berdasarkan kedudukan baris Hamzah Wasal iaitu baris fathah, kasrah, dan dhammah.

Hamzah Wasal ialah hamzah berupa alif tambahan yang terletak di awal perkataan. Hamzah ini tidak perlu dibaca jika pembaca memilih untuk menyambungkan bacaan (wasal) dari ayat sebelumnya dan hamzah ini akan ditarik jika seseorang memilih untuk memulakan bacaan (ibtida') dari perkataan yang mempunyai hamzah wasal tersebut (Ibn al-Jazri 2000, Al-Wasiti 2004, Shihabuddin 2010). Hamzah Wasal yang ditemui dalam al-Quran berada di awal kata nama (اسم), kata kerja (فعل) dan nama terbitan (مصدر) (Al-Nuwayri 2003). Permasalahan yang timbul ketika membaca Hamzah Wasal ialah menentukan barisnya sama ada berbaris fathah (atas), kasrah (bawah) ataupun dhammah (hadapan) kerana Hamzah Wasal dalam penulisan Mushaf al-Quran Rasm Uthmani tidak berbaris tetapi ditandakan dengan huruf *alif* yang terdapat kepala *sad* di atasnya (﴿)

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Melalui pemerhatian awal terdapat pelajar yang mengalami masalah dalam bacaan Hamzah Wasal iaitu mereka tidak dapat membaca Hamzah Wasal dengan baris yang betul. Walaupun terdapat dalam kalangan mereka yang baik tahap penguasaan tilawah al-Quran, namun mereka masih keliru dan tidak yakin apabila membaca ayat yang terdapat Hamzah Wasal di awal kalimah (Ramly 2013). Keadaan ini secara tidak langsung akan mengakibatkan berlakunya kesalahan dalam tilawah al-Quran dan keadaan ini tidak boleh dibiarkan kerana akhirnya boleh mengakibatkan kesalahan bacaan al-Quran yang terdiri daripada *lahnu jali* dan *lahnu khafi* (Al-Nuwayri 2003); Abdul Qadir Leong 1998).

Menurut al-'Abd (2011) dalam kitabnya *al-Mizan fi Ahkam tajwid al-Quran*, menjelaskan *Lahnu jali* bermaksud kesalahan yang nyata dalam tilawah al-Quran. Kesalahan ini dilakukan oleh pembaca pada struktur perkataan, sama ada kesalahan itu mencacatkan makna perkataan atau tidak. Kesalahan ini juga disedari dengan nyata dan terang oleh semua orang tidak kira orang biasa atau orang yang mahir dalam bidang ilmu tajwid. Contohnya, kesalahan bacaan yang boleh mengubah maksud perkataan seperti **أَنْعَمْتُ عَلَيْهِمْ** dengan baris dhommah **عَلَيْهِمْ** membaca perkataan

Manakala *lahnu khafi* pula bermaksud kesalahan yang tersembunyi, iaitu kesalahan bacaan yang dilakukan pada sebutan (al-'Abd, 2011). Kesalahan ini menyalahi cara sebutan yang telah ditetapkan bagi sesuatu perkataan atau ayat al-Quran. Kesalahan ini hanya dapat disedari oleh mereka yang mahir dalam ilmu tajwid atau para Qurra' sahaja dan ia tidak disedari oleh orang awam. Contohnya, kesalahan bacaan yang tidak menyempurnakan kadar panjang mad yang sepatutnya, tidak menyempurnakan tafkhim, tarqiq dan, mengabaikan hukum tajwid dalam pembacaan.

Justeru, membariskan Hamzah Wasal yang tepat ketika memulakan bacaan perlu dikuasai oleh pelajar supaya tidak berlaku kesalahan dalam tilawah sama ada *lahnu jali* atau *lahnu khafi*. Terdapat tiga kaedah membaca Hamzah Wasal di awal kalimah (al-Wasiti,2004) iaitu membaca Hamzah Wasal dengan baris fathah, kasrah dan, dhammad seperti Jadual 1.

Jadual 1: Kaedah membaca Hamzah Wasal di awal kalimah (Ibtida')

Hamzah wasal dibaca FATHAH (Baris Atas)	<p>i. Hamzah Wasal pada semua kalimah Isim Ma'rifah. Contoh:</p> <p style="text-align: center;">اَلْحَمْدُ (surah <i>al-Fatihah</i>,1:2)</p>											
Hamzah wasal dibaca KASRAH (Baris Bawah)	<p>i. Hamzah Wasal pada semua kalimah Isim Nakirah. Contoh:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <tr> <td>أَبْنَ (surah <i>aliImran</i>,3:45)</td> <td>أَمْرَأَةٌ (surah <i>al-Nisa'</i>,4:12)</td> </tr> <tr> <td>أَمْرُؤُ (surah <i>al-Nisa'</i>,4:176)</td> <td>أَثْتَنِينَ (surah <i>al-Nisa'</i>,4:176)</td> </tr> <tr> <td>أَمْرَاتُ (surah <i>Yusuf</i>,12:30)</td> <td>أَسْمُ (surah <i>al-Hajj</i>,22:40)</td> </tr> <tr> <td>أَثْتَنِينَ (surah <i>Yasin</i>,36:14)</td> <td>أَجْنَى (surah <i>al-Tahrim</i>,66:12)</td> </tr> </table> <p>ii. Hamzah Wasal pada kalimah Fi'el (huruf ketiga berbaris fathah) Contoh:</p> <p style="text-align: center;">اَذْهَبْ يَكِنْيِ هَذَا فَالْقَةِ إِلَيْهِمْ</p> <p>(surah <i>al-Naml</i>, 27 : 28)</p> <p>iii. Hamzah Wasal pada kalimah Fi'el (huruf ketiga berbaris kasrah) Contoh:</p> <p style="text-align: center;">اَهْدِنَا الصَّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ</p> <p>(surah <i>al-Fatihah</i>, 01 : 06)</p> <p>iv. Hamzah Wasal pada kalimah Fi'el (huruf ketiga berbaris dhammad yang menda-tang) Contoh:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <tr> <td>أَقْضُوا (surah <i>yunus</i>,10:71)</td> </tr> <tr> <td>أَبْتُوا (surah <i>al-Kahfi</i>,18:21)</td> </tr> <tr> <td>أَقْشُوا (surah <i>shad</i>,38:06)</td> </tr> </table> <p>v. Hamzah Wasal pada kalimah yang dibaca Ibdal 2 harakat. Contoh:</p> <p style="text-align: center;">أَتَشْوِي بِكِتَبٍ مِنْ قَبْلِ هَذَا</p> <p>(surah <i>al-Ahqaf</i>, 46 : 04)</p> <p>Dibaca dengan kasrah dengan menukar hamzah qata' kepada ya dengan mad 2 harakat. Maka ia dibaca</p> <p style="text-align: center;">اِتَشْوِي</p>	أَبْنَ (surah <i>aliImran</i> ,3:45)	أَمْرَأَةٌ (surah <i>al-Nisa'</i> ,4:12)	أَمْرُؤُ (surah <i>al-Nisa'</i> ,4:176)	أَثْتَنِينَ (surah <i>al-Nisa'</i> ,4:176)	أَمْرَاتُ (surah <i>Yusuf</i> ,12:30)	أَسْمُ (surah <i>al-Hajj</i> ,22:40)	أَثْتَنِينَ (surah <i>Yasin</i> ,36:14)	أَجْنَى (surah <i>al-Tahrim</i> ,66:12)	أَقْضُوا (surah <i>yunus</i> ,10:71)	أَبْتُوا (surah <i>al-Kahfi</i> ,18:21)	أَقْشُوا (surah <i>shad</i> ,38:06)
أَبْنَ (surah <i>aliImran</i> ,3:45)	أَمْرَأَةٌ (surah <i>al-Nisa'</i> ,4:12)											
أَمْرُؤُ (surah <i>al-Nisa'</i> ,4:176)	أَثْتَنِينَ (surah <i>al-Nisa'</i> ,4:176)											
أَمْرَاتُ (surah <i>Yusuf</i> ,12:30)	أَسْمُ (surah <i>al-Hajj</i> ,22:40)											
أَثْتَنِينَ (surah <i>Yasin</i> ,36:14)	أَجْنَى (surah <i>al-Tahrim</i> ,66:12)											
أَقْضُوا (surah <i>yunus</i> ,10:71)												
أَبْتُوا (surah <i>al-Kahfi</i> ,18:21)												
أَقْشُوا (surah <i>shad</i> ,38:06)												
Hamzah wasal dibaca DHAMMAH (Baris Hadapan)	<p>i. Hamzah Wasal pada kalimah Fi'el (huruf ketiga berbaris dhommah) Contoh:</p> <p style="text-align: center;">أَذْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ يَا لَيْكَةَ</p> <p>(surah <i>al-Nahl</i>, 16 : 125)</p> <p>ii. Hamzah Wasal pada kalimah yang dibaca Ibdal 2 harakat. Contoh:</p> <p style="text-align: center;">أَوْتَمِنَ (surah <i>al-Baqarah</i>,2:283)</p> <p>Dibaca dengan dhammad dengan menukar hamzah qata' kepada wau dengan mad 2 harakat. Maka ia dibaca</p> <p style="text-align: center;">أَوْتَمِنَ</p>											

Selain membariskan Hamzah Wasal yang tepat ketika ibtida' iaitu memulakan bacaan, pelajar juga perlu menguasai wasal iaitu menyambung bacaan pada kalimah hamzah wasal. Kekeliruan berlaku apabila kalimah yang bertanda tanwin (baris dua di atas, baris dua di bawah dan baris dua di hadapan) bertemu dengan hamzah wasal. Tanwin tersebut tidak boleh diidhamkan kepada huruf selepasnya tetapi perlu dirungkaikan suara nun dari tanwin itu dengan baris kasrah (Shihabuddin 2010). Cara bacaan wasal bagi kalimah yang bertanda tanwin apabila bertemu dengan hazah wasal dijelaskan dalam jadual 2.

Jadual 2: Kaedah membaca secara wasal bagi kalimah yang bertanda tanwin bertemu dengan Hamzah Wasal

فَوْمًا أَلَّهُ (surah al-A'raf, 7:164)	Jika wasal hendaklah dibaca	فَوْمِنْ أَلَّهُ
يَعْلَمُنْ أَسْمَةُ (surah Maryam, 19:7)	Jika wasal hendaklah dibaca	يَعْلَمِنْ أَسْمَةُ
عَادُنْ الْمُرْسَلِينَ (surah al-Shua'ra', 26:123)	Jika wasal hendaklah dibaca	عَادِنْ الْمُرْسَلِينَ

Huruf nun dalam bacaan wasal tersebut bukanlah huruf yang ditambah tetapi ia adalah nun sukun yang sudah sedia wujud pada setiap bunyi suara tanwin. Hal ini adalah kerana sebutan tanwin adalah berbunyi huruf nun pada lafaz tetapi bukan pada tulisan. Oleh itu bagi bacaan wasal pada kalimah yang bertanda tanwin bertemu dengan hamzah wasal perlu merungkaikan bunyi nun yang dikasrahkan dari tanwin tersebut seperti dalam jadual 2 di atas.

Seterusnya kajian ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan bacaan Hamzah Wasal pelajar dalam tilawah al-Quran melalui penggunaan Kaedah “Bafkad”. Bahan bantu mengajar yang digunakan adalah peta minda yang merangkumi pembahagian bacaan Hamzah Wasal berbaris fathah, kasrah dan dhammah. Melalui penggunaan bahan ini dapat menarik minat pelajar serta memudahkan mereka menentukan baris Hamzah Wasal dengan tepat semasa membaca ayat-ayat al-Quran yang mengandungi Hamzah Wasal di awal kalimah.

Seterusnya, bagi memastikan pelajar lebih mudah untuk mengingati kaedah yang diperkenalkan, maka latihan bertulis telah diberikan secara khusus kepada pelajar, seterusnya pelajar dikehendaki membaca kalimah-kalimah Hamzah Wasal secara Talaqqi Musyafahah. Menurut Mohd Yusuf Ahmad (2000), kaedah Talaqqi Mushafahah ini merupakan kaedah berkesan yang perlu dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran. Talaqqi dan musyafahah merupakan dua kaedah pembelajaran al-Quran yang tidak boleh dipisahkan.

Perkataan talaqqi berasal daripada masdar perkataan *إِلْقاء* (ilqa') yang membawa maksud melontar atau mencampakkan. Ia juga berasal daripada perkataan *لَقِي* (Laqya) yang bermaksud bertemu atau berjumpa. Manakala perkataan talaqqi mengikut istilah pula ialah suatu manhaj atau metode pembelajaran lafaz-lafaz al-Quran. Manakala perkataan musyafahah pula bermaksud bertutur daripada mulut ke mulut iaitu mempelajari bacaan al-Quran dengan guru secara lisan. Talaqqi dan musyafahah merupakan dua kaedah pembelajaran al-Quran yang tidak boleh dipisahkan (al-Majidi, 2000). Dalam al-Quran Allah s.w.t. menyebutkan perkataan talaqqi di dalam surah al-Naml ayat 6 yang bermaksud,

“Dan Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) benar-benar ditalaqqikan al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha mengetahui”.

Ayat di atas menjelaskan tentang metode penyampaian dan penerimaan al-Quran yang dilakukan secara talaqqi musyafahah iaitu pertemuan antara murid dengan guru iaitu malaikat Jibril A.S. dengan Rasulullah S.A.W. ('Abd al-Sami' 2000; al-Baz 2004). Keadaan ini menjelaskan bahawa kaedah talaqqi musyafahah telah diamalkan sejak zaman Rasulullah S.A.W bermula wahyu pertama diturunkan. (Abu Daud 2002) Kaedah ini telah diperaktikkan oleh malaikat Jibril A.S kepada Rasulullah S.A.W dengan cara jibril membaca ayat al-Quran kemudian Rasulullah S.A.W meniru bacaan tersebut dan malaikat jibril mendengar dan memerhatikan bacaan Rasulullah S.A.W.

Seterusnya Rasulullah membacakan ayat tersebut kepada para sahabat dan para sahabat meniru bacaan Rasulullah S.A.W ('Athiah Qobil Nasr,1997). Dalam kaedah talaqqi musyafahah, murid yang mempelajari al-Quran mesti berhadapan secara langsung kepada gurunya (Abu Daud 2002). Faktor ini sangat ditekankan supaya murid tahu betul secara amali serta dapat menyebut dan membaca dengan betul secara bertajwid, menyempurnakan makhraj huruf yang betul, sifat-sifat huruf dan lain-lain hukum tajwid di hadapan guru. Selain daripada itu, guru juga perlu menunjukkan bacaan contoh terlebih dahulu agar murid lebih yakin dengan keupayaan guru dalam melaksanakan sesi pengajaran tilawah al-Quran.

Sejak Zaman Rasulullah S.A.W pembacaan al-Quran telah diwarisi secara penyampaian berhadapan di antara guru dengan murid supaya bacaan menepati seperti yang telah diturunkan kepada Rasulullah S.A.W secara tartil. Firman Allah S.W.T dalam surah Muzammil, ayat 4 yang bermaksud "*dan bacalah al-Quran dengan "Tartil"*".

Ayat ini menjelaskan supaya membaca al-Quran secara tartil iaitu menyempurnakan bacaan secara bertajwid, menunaikan makhraj huruf dan mengenal waqaf dan ibtada' ('Abd al-Sami' 2000; Mohd Rahim, 2012). Makna tartil pula menurut Saiyidina 'Ali bin Abi Talib ialah mentajwidkan huruf dan mengetahu tempat berhenti (Al-Nuwayri 2003). Membaca al-Quran secara tartil adalah dituntut karena ia boleh menghasilkan tadabbur dan tafakkur iaitu membantu pembaca berfikir dan memahami ayat yang dibaca.

Model yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan modifikasi model pengajaran dan pembelajaran oleh al-Ghazali dan Ibn Khaldun. Model ini menjelaskan bahawa pengetahuan guru mestilah merangkumi kefahaman dan pengetahuan tentang isi kandungan sesuatu mata pelajaran (al-Ghazali,t.th). Menurut Ibn Khaldun (2001) untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan mestilah dilaksanakan secara berperingkat, pelaksanaan teori pengajaran mestilah diikuti dengan amali dan mestilah disokong oleh bahan bantu mengajar yang sesuai. Manakala menurut Imam al-Ghazali (t.th) beberapa kriteria yang perlu ada untuk menjadi seorang pendidik yang baik, antaranya ialah seorang guru mestilah memiliki ilmu pengetahuan yang luas, akal yang cerdas, dan sempurna, baik akhlak dan tingkah lakunya.

Berdasarkan model pengajaran dan pembelajaran al-Ghazali dan Ibn Khaldun ini, maka sebagai bakal seorang guru Pendidikan Islam mereka mestilah menguasai sepenuhnya pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tilawah al-Quran.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini, pelajar dapat;

- i. Membaca kalimah yang terdapat Hamzah Wasal ketika memulakan bacaan (*ibtada'*) dengan menggunakan kaedah "Bafkad".

- ii. Membaca kalimah yang terdapat *Hamzah Wasal* ketika menyambung bacaan (*wasal*) dengan menggunakan kaedah “Bafkad”.
- iii. Menjelaskan sebab-sebab *Hamzah Wasal* di baca dengan baris *fathah* (atas), *kasrah* (bawah) ataupun *dhammah* (hadapan) dengan menggunakan kaedah “Bafkad”.

SOALAN KAJIAN

Antara persoalan yang timbul dalam permasalahan kajian tindakan adalah seperti berikut :

1. Adakah kaedah “Bafkad” dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan pelajar membaca kalimah yang terdapat *Hamzah Wasal* ketika memulakan bacaan (*ibtada*)?
2. Adakah kaedah “Bafkad” dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan pelajar membaca kalimah yang terdapat *Hamzah Wasal* ketika menyambung bacaan (*wasal*)?
3. Adakah langkah-langkah yang dilaksanakan membantu pelajar mengenalpasti sebab-sebab *Hamzah Wasal* dibaca dengan baris *fathah* (atas), *kasrah* (bawah) ataupun *dhammah* (hadapan) ?

METODOLOGI KAJIAN

Peringkat pertama dalam kajian tindakan ini ialah mengenalpasti masalah iaitu pelajar tidak dapat menentukan kedudukan baris Hamzah Wasal dengan betul ketika tilawah al-Quran. Instrumen pemerhatian dan, ujian pra telah dilaksanakan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar. Berdasarkan ujian tilawah dan pemerhatian sepanjang pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran, masih terdapat pelajar yang tidak dapat membaca hamzah wasal dengan baris yang betul ketika memulakan bacaan pada kalimah Hamzah Wasal.

Seterusnya, satu kaedah telah dirancang untuk mengatasi masalah kekeliruan dalam menentukan kedudukan baris Hamzah Wasal dengan menggunakan Kaedah “Bafkad”. Pelaksanaan kaedah ini dilakukannya secara berperingkat terhadap pelajar yang terlibat. Langkah pertama, pelajar diperkenalkan cara menentukan kedudukan baris Hamzah Wasal sama ada fathah, kasrah ataupun dhammad. Seterusnya kaedah penerangan dilaksanakan agar pelajar mampu menguasai bacaan Hamzah Wasal. Pelajar dibekalkan dengan kad peta minda kaedah “Bafkad” sebagai bahan bantu mengajar supaya pelajar mudah mengingati dan dapat membaca Hamzah Wasal di awal kalimah dengan tepat.

Melalui penggunaan peta minda kaedah “Bafkad” ini pelajar boleh merujuk jadual pembahagian kaedah membaca Hamzah Wasal yang terdapat pada kad peta minda. Penggunaan peta minda adalah sesuai kerana ia merupakan satu kemahiran mengorganisasi maklumat dan menghuraikan konsep atau objektif secara teratur (Subadrah, 2001). Peta minda kaedah “Bafkad” ini merupakan bahan bantu mengajar yang digunakan untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Kamarul Azmi & Ab Halim (2007), bahan bantu mengajar merupakan segala kelengkapan yang diguna pakai oleh guru untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran dalam bilik darjah. Bahan ini tidak terhad kepada buku teks, papan tulis dan gambar sahaja, tetapi juga merangkumi segala benda yang digunakan dalam proses pengajaran yang dapat dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dikisahkan, dirasai, dihidu, digunakan dan sebagainya.

Bahan bantu mengajar merupakan salah satu elemen penting dalam pelaksanaan sesuatu proses P&P kerana ianya dapat membantu guru melaksanakan proses P&P lebih menarik dan berkesan (Jasmi, Ilias et al. 2011, Ilias and Jasmi 2012, Ilias, Ismail et al. 2013). Menerusi BBM, P&P dapat dijalankan dengan lengkap dan sempurna serta dapat membantu murid memahami penyampaian isi pelajaran oleh guru. Selain itu, BBM juga dapat menjimatkan masa dan tenaga guru serta memberi motivasi dan sikap ingin tahu yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Bagi memastikan kaedah yang diperkenalkan dapat difahami oleh pelajar, ujian bertulis dan lisan dilaksanakan sebagai latihan susulan. Kemudian, ujian pasca diberikan kepada pelajar bagi menilai keberkesanan pelaksanaan kaedah “Bafkad” tersebut.

Jadual 3: Tindakan yang Dilaksanakan

LANGKAH	AKTIVITI
FASA 1	i.Mengenal pasti masalah
	ii.Membuat pemerhatian
	iii.Penyediaan bahan-bahan yang sesuai untuk menjalankan tindakan.
	iv.Melaksanakan pra-ujian
	v.Menganalisis pra-ujian dan memilih responden
FASA 2	i.Pelaksanaan Kaedah “Bafkad”. Memperkenalkan cara menentukan kedudukan Baris Hamzah dengan kaedah “Bafkad” menggunakan Peta Minda.
	ii.Pelaksanaan Kaedah “Bafkad ”. Talaqqi Musyafahah 1 (melihat kaedah ‘Bafkad”)
	iii.Pelaksanaan Kaedah “Bafkad”. Talaqqi Musyafahah 2 (melihat kaedah “Bafkad”)
FASA 3	i.Pelaksanaan Kaedah “Bafkad”.
	Pelaksanaan Ujian Pasca
	ii.Menilai data (Ujian Pasca)

Kumpulan sasaran

Kajian tindakan ini telah dilaksanakan ke atas lima pelajar PISMP unit Pendidikan Islam Semester 2, iaitu tiga pelajar lelaki dan dua pelajar perempuan di salah sebuah Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Responden terdiri daripada pelajar yang mendapat markah terendah ketika ujian tahap kecekapan membaca dijalankan. Pelajar masih mempunyai kekeliruan dalam menentukan kedudukan baris pada kalimah yang terdapat pada Hamzah Wasal ketika memulakan bacaan.

Lima pelajar dipilih menggunakan persempelan bertujuan berdasarkan keputusan terendah ketika ujian kecekapan bacaan dijalankan oleh pengkaji. Responden ini diberikan perhatian serta bimbingan agar mereka mampu menguasai bacaan al-Quran dengan baik seterusnya akan menjadi pakar rujuk apabila mereka berada di arena persekolahan nanti. Pemilihan responden adalah berdasarkan penilaian yang dilakukan ke atas ujian pra yang dijalankan. Prosedur pengumpulan data yang digunakan bagi kajian ini ialah pemerhatian, ujian bertulis dan lisan tilawah, ujian pra dan pasca. Setelah data ini dikumpul, hasil dapatan tersebut diterjemahkan dalam bentuk jadual bagi menganalisis data pencapaian murid untuk menunjukkan perbandingan pencapaian pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan kaedah.

DAPATAN KAJIAN

Ujian Pra

Ujian Pra dilaksanakan pada langkah fasa pertama dalam kajian. Fokus utama yang menjadi perbincangan artikel ini merujuk kepada objektif kajian iaitu penguasaan membaca kalimah yang terdapat Hamzah Wasal ketika memulakan bacaan (ibtada') dan ketika menyambung bacaan (wasal) dengan menggunakan kaedah “Bafkad”. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat penguasaan pelajar menjelaskan sebab Hamzah Wasal dibaca dengan baris fathah (atas), kasrah (bawah) ataupun dhammah (hadapan).

Jadual 4: Analisis keputusan Ujian Pasca

RESPONDEN	Markah Ujian Pra		KEPUTUSAN
	Ujian bertulis	Ujian Lisan	
PELAJAR 1	50	50	100%
PELAJAR 2	40	43	83%
PELAJAR 3	50	50	100%
PELAJAR 4	50	50	100%
PELAJAR 5	40	43	83%

Jadual 4 menunjukkan analisis keputusan ujian pra yang dilaksanakan pada minggu pertama semasa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran kursus PIM 3103. Daripada lima orang pelajar, hanya seorang pelajar mendapat markah 50% yang membaca Hamzah Wasal dengan baris yang tepat pada tiga ayat daripada enam ayat yang diberikan. Dua orang pelajar lagi mendapat markah 33% yang dapat membaca Hamzah Wasal dengan baris yang tepat pada dua ayat daripada enam ayat yang diberikan. Manakala dua pelajar lagi mendapat markah 17% yang hanya dapat membaca satu ayat daripada enam ayat yang diberikan. Melalui analisis ujian pra, keputusan yang diperoleh tidak memuaskan. Keadaan ini membuktikan bahawa pelajar masih belum menguasai sepenuhnya bacaan Hamzah Wasal semasa tilawah al-Quran.

Ujian Pasca

Ujian Pasca dilaksanakan pada langkah fasa ketiga dalam kajian selepas pelaksanaan Kaedah “Bafkad” untuk memperkenalkan cara menentukan kedudukan baris Hamzah Wasal dengan menggunakan Peta Minda dan pelaksanaan kaedah talaqqi Musyafahah. Jadual 4 menjelaskan keputusan ujian pasca tersebut.

Jadual 5: Analisis keputusan Ujian Pasca

RESPONDEN	Markah Ujian Pra		KEPUTUSAN
	Ujian bertulis	Ujian Lisan	
PELAJAR 1	25	25	50%
PELAJAR 2	8	9	17%
PELAJAR 3	16	17	33%
PELAJAR 4	17	16	33%
PELAJAR 5	8	9	17%

Jadual 5 menunjukkan analisis keputusan ujian pasca yang telah dilaksanakan kepada pelajar selepas pelaksanaan Kaedah “Bafkad”. Hasil dapatan menunjukkan pelajar telah dapat menguasai bacaan Hamzah Wasal dengan baik dan tepat. Tiga pelajar telah mendapat markah 100% yang dapat membaca Hamzah Wasal dengan baris yang tepat pada kesemua enam ayat yang diberikan. Manakala dua pelajar lagi mendapat markah 83% yang dapat membaca Hamzah Wasal dengan baris yang tepat pada lima ayat daripada enam ayat yang diberikan. Keputusan ini menunjukkan kadar kenaikan pencapaian pelajar yang amat baik kerana setiap pelajar telah mencapai tahap penguasaan bacaan Hamzah Wasal yang baik dengan meletakkan baris Hamzah Wasal dengan tepat semasa tilawah al-Quran.

Perbandingan Ujian Pra dan Pasca

Terdapat peningkatan dalam penguasaan bacaan Hamzah Wasal dalam kalangan pelajar selepas pelaksanaan kaedah “Bafkad”. Ini dijelaskan melalui jadual berikut;

Jadual 6: Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Bacaan Hamzah Wasal

RESPONDEN	KEPUTUSAN		NILAI TOKOKAN (+/-)
	Ujian Pra	Ujian Pasca	
PELAJAR 1	50%	100%	50%
PELAJAR 2	17%	83%	66%
PELAJAR 3	33%	100%	67%
PELAJAR 4	33%	100%	67%
PELAJAR 5	17%	83%	66%

Jadual 6 menunjukkan bahawa terdapatnya peningkatan konsisten dalam jumlah markah yang diperolehi oleh lima orang peserta kajian yang dipilih. Keputusan ini menunjukkan pelajar 1 telah memperoleh markah sebanyak 50% dalam latihan pra dan nilai tokokan kepada 100% dalam latihan pasca. Pelajar 3 dan 4 pula telah memperoleh markah sebanyak (33%) dalam latihan pra dan nilai tokokan kepada (100%) dalam latihan pasca. Manakala Pelajar 2 dan 5 telah memperoleh markah sebanyak (17%) dalam latihan pra dan nilai tokokan kepada (83%) dalam latihan pasca.

Keputusan keseluruhan analisis perbandingan ujian pra dan pasca yang telah dilaksanakan menunjukkan kesemua responden memperoleh nilai skor yang meningkat dalam ujian pasca selepas pelaksanaan Kaedah “Bafkad”.

PERBINCANGAN DAN TINDAKAN

Kajian tindakan ini dilaksanakan berlandaskan objektif yang telah ditetapkan iaitu pelajar dapat membaca kalimah yang terdapat Hamzah Wasal sama ada ketika memulakan bacaan (*ibtida'*) ataupun ketika menyambung bacaan (*wasal*). Objektif yang kedua ialah supaya pelajar dapat menjelaskan sebab-sebab Hamzah Wasal di baca dengan baris fathah (atas), kasrah (bawah) ataupun dhimmah (hadapan). Bagi mencapai objektif yang pertama, pelajar telah diperkenalkan cara menentukan kedudukan baris Hamzah Wasal dengan betul menggunakan peta minda kaedah “Bafkad”. Pelajar diperkenalkan dengan tiga kedudukan baris Hamzah Wasal iaitu fathah, kasrah dan dhimmah.

Talaqqi Musyafahah telah dilaksanakan agar pelajar benar-benar menguasai bacaan Hamzah Wasal dengan baik. Semasa pelajar diberikan penerangan tentang kedudukan baris Hamzah Wasal, pelajar diperkenalkan dengan Peta minda kaedah “Bafkad”. Pelaksanaan kaedah “Bafkad” ini bertujuan untuk menarik minat pelajar serta memudahkan pelajar mengingati setiap baris Hamzah Wasal dengan tepat. Pelajar menunjukkan minat yang lebih mendalam apabila mereka diberi peluang untuk menggunakan BBM yang telah disediakan dengan bimbingan pensyarah.

Kajian ini juga telah menunjukkan betapa pentingnya penggunaan bahan bantu mengajar dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh jika guru menayangkan gambar atau imej termasuk peta minda serta mengaitkan dengan objektif -objektif pembelajaran, maka maklumat yang diterima oleh pelajar akan bertambah. Misalnya, Ausuble (1968) mengemukakan konsep maklumat awal sebagai bantuan untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan. Penggunaan peta minda atau kaedah “Bafkad” yang digubah menggunakan pelbagai warna dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan memudahkan mereka mengingati sesuatu konsep hanya dengan melihat warna yang digunakan. Penggunaan warna ‘personel’ semasa membuat nota dapat membantu mereka membezakan segala maklumat yang perlu diketahui.

Bagi memperkuuhkan kemahiran pelajar dalam bacaan Hamzah Wasal, kaedah talaqqi musyafahah dan latih tubi secara berperingkat dilaksanakan sebagai langkah susulan. Hasil daripada pelaksanaan kaedah ini, kesemua pelajar telah berjaya meningkatkan tahap penguasaan bacaan Hamzah Wasal dalam tilawah al-Quran. Jika sebelum kajian dilakukan, pelajar keliru dan tidak yakin untuk membaca Hamzah Wasal pada kalimah-kalimah dalam ayat al-Quran yang dimulai dengan Hamzah Wasal. Namun di akhir kajian, pelajar mampu mengatasi kelemahan dan membetulkan kesilapan mereka.

Keadaan ini menambahkan keyakinan mereka dalam tilawah al-Quran seterusnya memantapkan ilmu dalam bidang al-Quran serta mampu melengkapkan diri mereka sebagai guru Pendidikan Islam. Hasil daptan kajian yang diperolehi menunjukkan peningkatan tahap kemahiran pelajar dalam bacaan Hamzah Wasal, seterusnya memberi manfaat yang besar kepada pelajar. Pelajar bukan sahaja diperkenalkan dengan kaedah baru yang menarik malah ianya lebih memudahkan mereka untuk mengingatkan baris semasa membaca kalimah yang terdapat Hamzah Wasal.

Kesemua responden merupakan pelajar yang mempunyai tahap penguasaan tilawah al-Quran yang baik. Walau bagaimanapun disebabkan penguasaan kaedah bacaan Hamzah Wasal yang lemah maka ia mempengaruhi bacaan al-Quran mereka. Apabila mereka tidak dapat membaca dan membariskan Hamzah Wasal dengan tepat maka telah berlaku kesalahan dalam tilawah al-Quran dan amat membimbangkan apabila mereka menyampaikan ilmu yang mengelirukan apabila mereka mengajar tilawah al-Quran di sekolah nanti. Berikutan pelaksanaan kaedah ini, pelajar mula menunjukkan minat untuk mendalami lagi ilmu dalam bidang al-Quran. Keadaan ini membuktikan bahawa kaedah yang dilaksanakan ini mampu memberi impak kepada diri pelajar kerana mereka mampu menguasai bacaan Hamzah Wasal dengan baik seterusnya mampu mempertingkatkan tahap penguasaan dalam tilawah al-Quran.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil daptan kajian tindakan yang telah dilaksanakan, kaedah ini perlu diperkenalkan dan dilaksanakan kepada pelajar di peringkat awal lagi supaya kekeliruan dalam menentukan baris Hamzah Wasal dapat diatasi. Sebagai penambahbaikan untuk kajian di masa hadapan, penghasilan peta minda kaedah "Bafkad" boleh diperkemaskan lagi dengan penggunaan perisian dan *software* yang lebih menarik dan sesuai. Penambahbaikan perlu dilakukan supaya dapat memaksimumkan manfaat yang bakal diterima oleh pelajar dan bakal guru hasil daripada pelaksanaan kaedah ini.

RUJUKAN

- 'Abd al-Sami', Ahmad Mahmud. (2000). *al-Wafi fi Kaifiat Tartil al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah
- Abu Daud, Sulaiman.(2002). *Mukhtasar al-Tabyiin Li-Hijak al-Tanzil*. Al-Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd
- Ahmad, Mohd Yusuf. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya
- Ahmad, Siti Fatimah & Tamuri, Ab Halim (2010). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Bahan Multimedia dalam Pengajaran j-Qaf*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 2010 53-64.
- al-'Abd, Faryal Zakaria. (2011). *Al-Mizan fi Ahkam Tajwid al-Quran*. Al-Qahirah:Dar-al-Iman
- al-Baz, Muhammad Abas. (2004). *Mabahith fi 'Ilm al-Qiraat ma'a Bayan Usul Riwayat Hafs*. al-Qahirah: Dar al-Kalimah

- al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad. (t.th). *Ihya' Ulum al-Din*. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- al-Majidi, Abd al-Salam Muqbil. (2000). *Talaqqi al-Nabi Sallallah Alaihi wa Sallam Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Al-Nuwayri, M. M. (2003). *Sharh Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Wasiti, A. A. a.-M. m. (2004). *Al-Kanz fi al-Qira'at al-'Ashr*. Al-Qahirah, Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Ausuble, D.P. (1968). *Educational Psychology: A Cognitive View*. New York: Holt, Rinehart and Winston
- Leong, Abdul Qadir. (1998). *Tajwid al-Quran rasm 'uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Anom (2009). Pro Forma Kursus PIM 3103: Program Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (Pendidikan Islam Pendidikan Rendah). Cyberjaya, Selangor, Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 'Athiah Qobil Nasr (1997). *Ghayah al-marid fi- Ilmi al-Tajwid*. Jeddah, Arab Saudi : Maktabah Kunuz al-Ma'rifah
- Ibn al-Jazri, S.a.D. (2000.). *Sharh Tayyibah al-Nasr fi al-Qira'at*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. (2000). *Mukaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ilias, M. F., M. F. Ismail and K. A. Jasmi (2013). Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari. 3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013], EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia, Association of Malaysian Muslim Intellectuals (PIMM).
- Ilias, M. F. and K. A. Jasmi (2012). Aplikasi Bahan Bantu Mengajar Rasulullah S.A.W.dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ibadah Khususiah dari Perspektif Muhammad Fu'ad Abdul Baqi dalam Kitab Al-Lu'lul' Wal Marjan. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012], Le Grandeur Palm Resort, Senai, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi & Tamuri, Ab. Halim (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Johor Bahru, Johor: UTM Press.
- Jasmi, K. A., M. F. Ilias, A. H. Tamuri and M. I. M. Hamzah (2011). "Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia." *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1): 59-74.
- Jusuh, Mohd Rahim. (2012). *Tajwid al-Huruf & mengenal waqaf*. Batu Caves, Selangor Darul Ehsan: Pustaka Khodim al-Mushaf
- Madhawa Najr, Subadrah. (2001). *Penggunaan Peta Minda sebagai satu strategi dalam pengajaran Kesaseraan Melayu*. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ramly, R. (2013). *Ujian Kecekapan Bacaan*. Kuala Lipis, Pahang, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan.
- Shihabuddin, S. (2010). *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs 'An 'Asim Melalui Toriq Asy-Syatibiyyah*. Kuala Lumpur, Pustaka Salam Sdn. Bhd.